

# Dadah: PM puji usaha gigih PBB

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin memuji usaha gigih Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memerangi pengedaran dan penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa.

Dalam perutusan kepada Setiausaha Agung PBB, Javier Perez de Cuellar, sempena Hari Antidadah Sedunia, Perdana Menteri berkata Persidangan Antarabangsa bagi Membantas Penyalahgunaan dan Penyeludupan Dadah (ICDAIT) yang pertama banyak menyumbang ke arah usaha bersama itu.

Katanya, sidang itu mencatat sejarah kerana berjaya menggembelng usaha pelbagai negara memerangi masalah dadah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sidang peringkat menteri itu tidak akan berjaya tanpa sokongan dan dedikasi Encik De Cuellar.

Beliau selanjutnya menyarankan agar usaha memerangi gejala buruk ini ditingkatkan oleh semua negara di dunia dengan kerjasama agensi-agensi PBB yang terbabit.

Sidang pertama ICDAIT tahun lalu disarankan oleh negara-negara anggota Asean memandangkan meningkatnya kegiatan ha-

ram itu di rantau ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Sidang itu memberi banyak penekanan terhadap usaha membebaskan penduduk dunia daripada penyalahgunaan dadah. Dengan bimbingan saudara, Bangsa-Bangsa Bersatu mampu mengatasi masalah ini, manakala kerjasamanya dengan pertubuhan serantau dapat membendung penyeludupannya," kata Perdana Menteri.

Beliau juga menyatakan penghargaan kepada usaha Encik De Cuellar membantu kerajaan-kerajaan di dunia mengatasi masalah ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan masih banyak usaha perlu dibuat untuk mencapai matlamat itu.

"Saya ingin menggesa semua pihak menyertai usaha murni ini. Tanpa kerjasama menyeluruh, adalah sukar kita mengesap hasilnya. Saya juga merayu Bangsa-Bangsa Bersatu terus memberi keutamaan kepada usaha memerangi najis dadah.

"Di bawah bimbingan Setiausaha Agung, kita mampu melaksanakannya dengan cekap dan licin," katanya.